



■ SERAMAI 60 peserta menyertai Program Prolintas Naturelink: Mangrove Mission 2025 di Taman Rekreasi Paya Bakau, Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, Selangor.

Mangrove Mission kukuh pemuliharaan hutan paya bakau

MAJLIS Perwakilan Mahasiswa Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kelab Akuakultur, Kelab Kebajikan dan Sosial Staf Fakulti Pertanian serta Prolintas menganjurkan Program Prolintas Naturelink: Mangrove Mission 2025 di Taman Rekreasi Paya Bakau, Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, Selangor.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Prolintas bersama Fakulti Pertanian itu diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ekosistem hutan paya bakau terhadap

kelestarian alam sekitar di samping memberi pendedahan peserta mengenai spesies pokok bakau.

Sebanyak 300 anak pokok bakau berjaya ditanam dengan melibatkan penyertaan 60 orang yang terdiri daripada kakitangan Prolintas dan pelajar Fakulti Pertanian.

Menurut Pengarah program, Sarah Balqis Zaininuddin, program itu diharap dapat memupuk kesedaran dalam kalangan peserta terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar, khususnya dalam memelihara ekosistem hutan paya bakau yang semakin terancam.